

Headline	Pemegang LPF perlu kongsi data dengan kerajaan		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	05 Nov 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	31,034
Page No	5	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	443 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,302
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,906



Pemegang LPF perlu kongsi data dengan kerajaan

Ia sebagai usaha bersama tingkat, memampankan lagi pembangunan industri hutan di negeri ini

Oleh Care Cinderella

MIRI: Para pemegang Lesen Perladangan Hutan (LPF) di negeri ini perlu berkongsi semua data penting mereka dengan kerajaan negeri sebagai salah satu usaha bersama untuk meningkatkan dan memampankan lagi pembangunan industri hutan di negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata, penyelidikan dan pembangunan (R&D) salah satu inisiatif penting untuk mengatasi jurang dan memudahkan pelaksanaan industri perladangan hutan di negeri ini.

Pada masa yang sama, beliau tidak mahu syarikat-syarikat ini mengamalkan pemikiran bersendirian dan menyimpan maklumat sebaliknya perlu bekerjasama, berkongsi maklumat dan data untuk kebaikan bersama dan negeri ini.

"Saya tahu terdapat beberapa syarikat besar mempunyai aktiviti sendiri (dalam industri perhutanan) dan ada yang sangat maju tapi sayangnya mereka tidak bersedia untuk berkongsi data-data penting itu. "Mungkin ini disebabkan oleh mentaliti persaingan di

antara para pemegang LPF. "Tetapi jika anda ingin berjaya, anda harus mengubah cara pemikiran anda bekerja dan menyimpan maklumat untuk diri sendiri kerana anda sebenarnya tidak bersaing antara satu sama lain sebaliknya anda bersaing dengan negara lain seperti Vietnam, Indonesia, China dan lain-lain.

"Kita hanyalah pemain kecil dalam industri global ini dan saling bergantung kepada satu sama lain," katanya.

Abang Johari memberitahu demikian semasa berucap menyempurnakan Majlis Perasmian Seminar Industri Perladangan Hutan 2020 di sebuah hotel terkemuka di sini, semalam.

Beliau berkata, R&D dalam industri perhutanan adalah usaha jangka panjang dan berterusan, justeru komitmen daripada agensi kerajaan berkaitan seperti Jabatan Hutan Sarawak (JHS) dan pemegang LPF sangat penting.

"Komitmen di sini bermaksud bekerjasama, penyediaan dana dan sumber yang mencukupi dan perkongsian maklumat serta data untuk mendapatkan hasil yang diinginkan.

"Mungkin ini adalah waktu yang tepat untuk memiliki



USAHA SAMA: Hamden (empat kiri) dan Jack (tiga kanan) menunjukkan MoU yang ditandatangani bersama wakil FRIM (di skrin), sambil disaksikan Abang Johari (empat kanan) dan yang lainnya.

data yang lebih menyeluruh mengenai perladangan hutan di Sarawak.

"JHS akan menjadi penyimpan data ini dan akan memudahkan perkongsian maklumat diantara industri," katanya.

Mengulas lanjut Abang Johari memberitahu maklumat seperti penemuan serta R&D sangat penting untuk menghasilkan kayu dan produk kayu yang lebih berkualiti dalam meningkatkan produktiviti ladang hutan.

Katanya, para pemain

industri sudah ada yang memulakan program-program R&D masing-masing yang memerlukan masa, wang, dedikasi dan kerjasama dengan banyak pihak, sejak lebih 20 tahun lalu.

"Kita hanya dapat memiliki kelestarian dan keuntungan jika kita ambil peduli dengan kualiti (pokok) yang kita tanam dan untuk itu, kita mesti melabur dalam R&D untuk menjaga ladang kita dengan baik.

"Pembangunan perladangan yang agresif hanya dapat

dicapai jika dibuat berdasarkan kajian yang saintifik dan dapat dipercayai," ujarnya. "Untuk melaksanakan R&D ini, anda tidak dapat bekerja bersendirian, sebaliknya jalinan usaha sama dan perkongsian pengetahuan adalah amat penting untuk hasil yang baik," tambah beliau lagi.

Pada majlis yang sama, turut diadakan ialah upacara menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk projek kolaborasi antara kerajaan negeri melalui JHS dengan Institut Penyelidikan

"Saya tahu terdapat beberapa syarikat besar mempunyai aktiviti sendiri (dalam industri perhutanan) dan ada yang sangat maju tapi sayangnya mereka tidak bersedia untuk berkongsi data-data penting itu."

Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg
Ketua Menteri

Perhutanan Malaysia (FRIM) dan pemegang LPF.

Pemegang LPF yang menyertai MoU dengan JHS di sini semalam ialah Ta Ann Holdings Berhad, RH Forest Corporation Sdn Bhd, Polima Forest Bintulu Sdn Bhd, Billion Venture Sdn Bhd, Shin Yang Forestry Sdn Bhd, Limbu Jaya Timber Sdn Bhd, Bigwood Sdn Bhd, Immense Fleet Sdn Bhd, Subur Tiasa Forestry Sdn Bhd, Tanjung Manis Resources Sdn Bhd, Samling Reforestation (Bintulu) Sdn Bhd, Daiken Sarawak Sdn Bhd dan Sarawak Planted Forest Sdn Bhd.

"Melalui usaha menandatangani MoU pada hari ini, usaha sama R&D yang lebih kuat akan dibentuk melalui penubuhan kumpulan kerja antara semua pemegang lesen perladangan hutan di

negeri ini.

"Ia merupakan strategi kecemerlangan oleh Jabatan Hutan dalam memperkukuhkan kerjasama dalam R&D yang berkaitan dengan industri perladangan hutan.

"MoU ini kelak bukan hanya melibatkan pembiayaan pokok dan saya diberitahu bahawa kita juga akan memperhebatkan program pembiayaan yang telah disusun dengan baik oleh Pusat Penyelidikan Perindustrian Hutan, JHS," katanya.

Hadirsama Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, Menteri Pengangkutan Sarawak Datuk Lee Kim Shin, Menteri Muda Kebudayaan Datuk Sebastian Ting, Pengarah JHS Datu Hamden Mohammad dan Timbalannya Jack Liam.